

**SATU KAJIAN BAGI MEWUJUDKAN PIAWAIAN
PUSAT SUMBER SEKOLAH MENENGAH
DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

oleh

ZOHRA IBRAHIM

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 1995

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya Profesor Abdul Rahim Mohd Saad, Pengarah Pusat Teknologi Pendidikan dan Media (PTPM), Universiti Sains Malaysia, yang telah memberi nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar serta pandangan yang amat berguna sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini. Kepada semua pensyarah dan kakitangan Pusat Teknologi Pendidikan dan Media saya ingin merakamkan terima kasih di atas bantuan yang diberi semasa pengajian saya di PTPM.

Saya ingin juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua guru dan penyelarasan pusat sumber sekolah menengah di seluruh Negeri Selangor Darul Ehsan yang telah membantu menjayakan penyelidikan saya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada Ansari di atas segala pengorbanan, restu dan sokongan yang diberikan sepanjang pengajian dan penulisan tesis ini. Kepada Azri Fikry dan Azhari Fikry terima kasih kerana memahami tugas berat yang mama hadapi. Kepada Mak, Bapak, abang-abang, kakak-kakak dan adik-adik, terima kasih di atas doa dan restu serta sokongan moral yang diberikan sepanjang ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua yang telah membantu dan memberikan kerjasama sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini.

KANDUNGAN

Mukasurat

Penghargaan	ii
Kandungan	iii
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xiii
Abstrak ✓	xiv
Abstract	xvi

BAB SATU - Pengenalan

1.1	Pendahuluan	1
✓ 1.2	Pernyataan Masalah	6
1.3	Signifikan Penyelidikan	11
✓ 1.4	Objektif Penyelidikan	14
✓ 1.5	Kaedah Penyelidikan	15
1.6	Persoalan Penyelidikan	18
1.7	Kerangka Teori	18
1.8	Batasan-Batasan Penyelidikan	20
1.9	Definisi	
1.9.1	Piawaian	21
1.9.2	Perpustakaan atau Pusat Sumber	22
1.9.3	Pengurusan Sumber	22
1.9.4	Penggunaan	23
1.9.5	Kadar Penggunaan	23
1.9.6	Pengajaran	23

3.3	Populasi	70
3.3.1	Sampel	71
3.4	Alat Penyelidikan	
3.4.1	Soalselidik	74
3.4.2	Soalan Panduan Temubual	77
3.4.3	Senarai Semak Pemerhatian	77
3.5	Ujian Rintis	78
3.6	Pengumpulan Data	
3.6.1	Tinjauan	80
3.6.2	Temubual dan Pemerhatian	81
3.7	Pemerosesan Data dan Penganalisaan	
3.7.1	Pengkodan	83
3.7.2	Analisis Data	
3.7.2.1	Taburan	84
3.7.2.2	Analisis Korelasi	85
3.8	Kesimpulan	86

BAB EMPAT - Dapatan

4.1	Pendahuluan	87
4.2	Koleksi	88
4.2.1	Koleksi Untuk Setiap Perkara/Bidang	94
4.2.2	Koleksi Rujukan	99
4.2.2.1	Kamus	100
4.2.2.2	Ensiklopedia	102
4.2.2.3	Buku Panduan	105

4.4.4	Kerusi Pelajar	170
4.4.5	Meja	171
4.4.6	Karel	172
4.4.7	Papan Pameran	174
4.4.8	Rak Slaid dan Rak Video	176
4.5	Perkhidmatan	
4.5.1	Perkhidmatan Asas	177
4.5.1.1	Peminjaman dan Pemulangan	178
4.5.1.2	Rujukan dan Maklumat	180
4.5.1.3	Penyebaran Maklumat	181
4.5.1.4	Kemahiran Perpustakaan	182
4.5.1.5	Lawatan Sambil Belajar	184
4.5.1.6	Tayangan Video	185
4.6	Pentadbiran	
4.6.1	Pengkatalogan dan Pengkelasan	186
4.6.2	Waktu Operasi	188
4.6.3	Masa Pengurusan	189
4.7	Peralatan Letronik	
4.7.1	Televisyen	193
4.7.2	Perakam dan Pemain Kaset Video	194
4.7.3	Radio	195
4.7.4	Perakam dan Pemain Kaset Audio	195
4.7.5	Projektor Slaid	196
4.7.6	Projektor Overhed	197

4.8	Masalah Guru Pusat Sumber	198
4.9	Kelayakan Guru Pusat Sumber dengan Pengurusan yang Baik ...	201
4.10	Kesimpulan	203

BAB LIMA - Rumusan, Perbincangan, Cadangan dan Kesimpulan

5.1	Pendahuluan	208
5.2	Batasan Penyelidikan	209
5.3	Perbincangan	210
5.4	Cadangan Piawaian	221
5.4.1	Koleksi	222
5.4.1.1	Peta Koleksi	225
5.4.2	Perabut	226
5.4.3	Peralatan	228
5.4.4	Persekitaran dan Keadaan Fizikal	230
5.4.5	Perkhidmatan	233
5.4.6	Pentadbiran	236
5.4.7	Penilaian Pusat Sumber Sekolah	238
5.5	Cadangan-Cadangan Lain	
5.5.1	Objektif Pusat Sumber Sekolah	240
5.5.2	Polisi Pemilihan dan Perolehan	240
5.5.3	Polisi Pemerosesan Bahan	241
5.5.4	Polisi Pengambilan Stok dan Pilihbuang	243
5.5.5	Kriteria Umum Untuk Pemilihan Bahan	244
5.5.6	Pembantu Pusat Sumber Sekolah	247

5.5.7	Pasukan Petugas Khas	247
5.5.8	Pusat Sumber Sekolah Daerah	248
5.5.9	Pusat Sumber Pendidikan Negeri	248
5.5.10	Penyelidikan Selanjutnya	250
5.6	Sumbangan Kajian	251
5.7	Kesimpulan	253
Rujukan		255

Lampiran-Lampiran

Lampiran A : Senarai Sekolah Menengah Di Selangor Darul Ehsan

Lampiran B : Jadual Temubual Dan Pemerhatian

Lampiran C : Soalselidik

Lampiran D : Senarai Sekolah Bagi Ujian Rintis

Lampiran E : Surat Kelulusan Dari Kementerian Pendidikan Malaysia

Lampiran F : Surat Kelulusan Dari Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan

Lampiran G : Surat Peringatan

Lampiran H : Senarai Pulangan Soalselidik

Lampiran I : Gambar-Gambar Lawatan ke Pusat Sumber Sekolah Menengah
Di Selangor Darul Ehsan

SENARAI JADUAL

Mukasurat

Jadual

3.1	Bilangan Sekolah Di Setiap Daerah	71
4.1	Jumlah Koleksi Pusat Sumber Sekolah (Min = 8,232)	89
4.2	Kecukupan Koleksi di Pusat Sumber Sekolah	91
4.3	Kecukupan Koleksi - Tinjauan dan Pemerhatian	92
4.4	Nisbah Bahan Dan Pelajar Bagi Setiap Matapelajaran	94
4.5	Taburan Bilangan Kamus (Min = 32)	100
4.6	Taburan Bilangan Kamus - Tinjauan dan Pemerhatian	101
4.7	Taburan Set Ensiklopedia (Min = 2)	102
4.8	Taburan Set Ensiklopedia - Tinjauan dan Pemerhatian	103
4.9	Taburan Bilangan Buku Panduan (Min = 51)	107
4.10	Taburan Buku Yang Ditulis Dalam Bahasa Inggeris (Min = 2,603)	110
4.11	Taburan Buku Yang Ditulis Dalam Bahasa Malaysia (Min = 3,418) .	114
4.12	Taburan Bilangan Akhbar Bahasa Inggeris (Min = 2)	116
4.13	Taburan Bilangan Akhbar Bahasa Malaysia (Min = 2)	117
4.14	Taburan Bilangan Akhbar - Tinjauan dan Pemerhatian	118
4.15	Taburan Bilangan Majalah (Min = 3)	120
4.16	Taburan Judul Majalah Berbahasa Malaysia	121
4.17	Taburan Bilangan Majalah - Tinjauan dan Pemerhatian	124
4.18	Taburan Alat Pandang Dengar Yang Terdapat Di PSS	126
4.19	Bilangan dan Kecukupan Koleksi Alat Pandang Dengar	126
4.20	Taburan Koleksi Lutsinar (Min = 98)	127
4.21	Taburan Koleksi Slaid (Min = 26)	128
4.22	Taburan Koleksi Kaset Video (Min = 44)	130

Jadual

4.23	Taburan Koleksi Kaset Video - Tinjauan dan Pemerhatian	131
4.24	Taburan Koleksi Kaset Audio (Min = 52)	133
4.25	Taburan Koleksi Kaset Audio - Tinjauan dan Pemerhatian	133
4.26	Kedudukan Pusat Sumber Sekolah	140
4.27	Kedudukan Pusat Sumber Sekolah - Tinjauan dan Pemerhatian	140
4.28	Keluasan Ruang Pusat Sumber Sekolah (Meter Persegi) (Min = 204.0 m ²).....	142
4.29	Skala Keluasan Ruang	143
4.30	Penggunaan Ruang Untuk Aktiviti di 85 Pusat Sumber Sekolah	144
4.31	Taburan Jenis Lantai	147
4.32	Taburan Jenis Lantai - Tinjauan dan Pemerhatian	148
4.33	Taburan Bilangan Lampu (Min = 13)	152
4.34	Taburan Bilangan Kipas (Min = 7)	154
4.35	Taburan Bilangan Penyaman Udara (Min = 4)	155
4.36	Taburan Warna Dinding Pusat Sumber Sekolah	157
4.37	Taburan Warna Dinding Pusat Sumber Sekolah - Tinjauan dan Pemerhatian	158
4.38	Taburan Jumlah Rak Buku (Min = 15)	162
4.39	Taburan Saiz Rak Buku	163
4.40	Taburan Jumlah Rak Buku - Tinjauan dan Pemerhatian	164
4.41	Taburan Jumlah Rak Majalah (Min = 2)	166
4.42	Taburan Saiz Rak Majalah di 90 Pusat Sumber Sekolah	167
4.43	Taburan Jumlah Rak Majalah - Tinjauan dan Pemerhatian	168
4.44	Taburan Bilangan Kerusi (Min = 66)	170
4.45	Taburan Bilangan Karel (Min = 2)	173
4.46	Taburan Saiz Karel di 29 Pusat Sumber Sekolah	173

Jadual

4.47	Taburan Jumlah Papan Pameran (Min = 5)	174
4.48	Taburan Jumlah Papan Pameran - Tinjauan dan Pemerhatian	175
4.49	Taburan Saiz Papan Pameran	175
4.50	Perkhidmatan Yang Ditawarkan	177
4.51	Sistem Pengkatalogan dan Pengelasan di PSS	186
4.52	Jumlah Jam PSS Dibuka Seminggu (Min = 23.2)	188
4.53	Masa Yang Diperuntukkan Untuk Setiap Kelas (Min = 17.1)	189
4.54	Masa Yang Diperuntukkan Untuk Mengurus Pusat Sumber (Seminggu) (Min = 5.9)	190
4.55	Peralatan Yang Terdapat di 97 Pusat Sumber Sekolah Menengah di Selangor Darul Ehsan	192
4.56	Peralatan dan Perisian di 97 Pusat Sumber Sekolah Menengah di Selangor Darul Ehsan	192
5.1	Cadangan Koleksi Bahan dan Nisbah Pelajar:Bahan	224
5.2	Cadangan Koleksi Perabut Dan Saiz	227
5.3	Peralatan Dan Cadangan Jumlah Berdasarkan Tinjauan	229
5.4	Peralatan Dan Cadangan Jumlah Berdasarkan Pandangan Penyelidik	230
5.5	Kelengkapan Dan Cadangan Jumlah	232
5.6	Cadangan Ruang Untuk Aktiviti Pusat Sumber Sekolah	233

SENARAI RAJAH

Mukasurat

Rajah

2.1	Pusat Sumber Dalam Proses Pengajaran-Pembelajaran Bersistem	59
3.1	Kedudukan Sekolah-Sekolah Yang Dilakukan Temubual Dan Pemerhatian	73
4.1	Histogram Koleksi Pusat Sumber Sekolah Menengah Di Selangor Darul Ehsan	89
4.2	Serakan Skor-Skor Korelasi Antara Jumlah Koleksi Dan Pelajar	93
4.3	Serakan Skor-Skor Korelasi Antara Pelajar Dan Keluasan Ruang (m ²)	146
4.4	Serakan Skor-Skor Korelasi Antara Jumlah Koleksi Dan Jumlah Pinjaman	180
5.1	Pembangunan Koleksi - Pendekatan Berstruktur	223
5.2	Rangkaian Latihan Pengawas Pusat Sumber Sekolah	236

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui keadaan pusat sumber sekolah menengah di seluruh negeri Selangor Darul Ehsan daripada aspek koleksi, perabot, peralatan, keadaan persekitaran dan perkhidmatan untuk mewujudkan piawaian yang sesuai digunakan. Piawaian diperlukan untuk mengurus pusat sumber sekolah bagi memastikan keseragaman, dan bagi menentukan arah tuju perkembangan pusat sumber sekolah bersesuaian dengan tujuan dan objektif penubuhannya. Pengurusan pusat sumber sekolah yang sistematik diperlukan supaya ia boleh berfungsi dengan berkesan untuk kepentingan pelajar dan guru dalam proses pembelajaran-pengajaran bagi melahirkan masyarakat yang peka kepada kepentingan ilmu dan maklumat. Penyelidikan ini telah melibatkan semua sekolah menengah di seluruh negeri Selangor Darul Ehsan iaitu sebanyak 128 sekolah. Soalselidik telah dihantar kepada semua sekolah dengan pulangan sebanyak 75.8%. Aktiviti temubual dengan guru pusat sumber sekolah serta pemerhatian telah dilakukan pada 10% atau 13 buah sekolah sebagai langkah untuk memperkukuhkan data yang diperolehi secara soalselidik. Soalselidik yang digunakan adalah berdasarkan soalselidik yang telah digunakan oleh beberapa buah negeri di Amerika Syarikat untuk mewujudkan piawaian. Namun demikian, soalselidik tersebut telah diubahsuaikan untuk memenuhi tujuan dan objektif penyelidikan ini. Data telah dianalisis secara taburan kekerapan dan mengikut kecenderungan memusat. Ujian korelasi dan ujian Keertian Korelasi Pearson juga telah dilakukan untuk memperkukuhkan keputusan yang diperolehi. Hasil daripada penganalisan data didapati semua sekolah menengah di Selangor Darul Ehsan tidak menggunakan piawaian tertentu untuk pengurusan pusat sumber sekolah. Disebabkan keadaan ini, jarak perkembangan antara beberapa pusat sumber sekolah adalah sangat berbeza. Malah, perkembangan pusat sumber tersebut adalah bergantung kepada inisiatif penyelaras atau guru pusat sumber. Didapati juga pusat sumber sekolah tidak memainkan peranan yang penting dalam menjayakan KBSM. Berdasarkan penemuan ini telah digubal satu set piawaian yang sesuai digunakan oleh pusat sumber sekolah di

Selangor Darul Ehsan. Piawaian ini merupakan piawaian minima dan boleh menjadi garis panduan asas bagi sekolah yang mempunyai enrolmen seramai 1,000 pelajar. Piawaian ini merangkumi aspek koleksi, peralatan, perabut, keadaan persekitaran dan perkhidmatan yang sesuai disediakan. Piawaian ini boleh digunakan bagi memastikan pengurusan pusat sumber yang lebih sistematik dan sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat dan telekomunikasi. Adalah dicadangkan agar konsep pusat sumber sekolah diperluaskan sebagai pusat maklumat dengan kemudahan pencarian maklumat dengan menggunakan pelbagai media. Penggunaan peralatan ini serta pendedahan kepada sumber maklumat yang berbagai adalah penting untuk melahirkan masyarakat yang gemar membaca, sedar tentang kepentingan dan kuasa maklumat serta mempunyai kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk bersaing sealiran dengan perkembangan teknologi maklumat dan telekomunikasi. Hasil dari penyelidikan ini juga dapat dijadikan sebagai garis panduan perintis untuk mewujudkan piawaian yang lebih formal untuk digunakan oleh semua pusat sumber sekolah di Malaysia.

ABSTRACT

A Study To Establish Standards For Secondary School Resource Centres in the State of Selangor Darul Ehsan

The purpose of the research was to study the conditions of secondary school resource centres in Selangor Darul Ehsan from various aspects such as its collection, furniture, equipment, physical facilities and services. Based on the findings a set of suitable standards was established. Standards are needed for the management of school resource centres to ensure uniformity and to ensure that the development of resource centres would fulfil the purposes and objectives of their establishment. A systematic administration of a resource centre is necessary in order to ensure that it functions effectively for the benefit of teachers and students in the teaching-learning process that can produce students who are sensitive to the importance and significance of information and knowledge. The research involved all 128 secondary schools in Selangor Darul Ehsan. Questionnaires were sent to these schools and 75.8% responded. Interviews and observations with resource centres teachers and co-ordinators were carried out in 10.0% or 13 of the schools as a means to confirm the validity of the survey data. The questionnaire was constructed based on questionnaires used in several states in the USA to establish standards in several school resource centres. Several amendments were made to the questionnaire to suit the purposes and objectives of this research. Data was analysed by looking at frequency distribution and central tendency. The Pearson's Coefficient Correlation was also utilised to explain the results obtained. Results showed that all secondary schools in Selangor Darul Ehsan have not been using any particular standard in the administration of their resource centres. Hence, the development among the school resource centres varied greatly depending on the initiative of the co-ordinator or teacher in charge. The research findings also showed that school resource centres did not play a significant role in the implementation of KBSM. Based on the research findings, a set of standards was evolved which are

appropriate for utilization by school resource centres in Selangor Darul Ehsan. These are minimum standards which could be adopted as basic guidelines for schools with an enrolment of 1,000 students. The standards suggested encompassed aspects on collections, equipment, furniture, physical facilities and services offered. The standards proposed could be used for the systematic administration of resource centres in accordance with the development of information technology and telecommunications. It is also suggested that the concept of the school resource centres should be expanded to include the functions of an information centre which provides multimedia facilities for information searching. The utilization of these facilities and an exposure to the various information resources are essential in producing a literate society, fully aware of the importance and power of information, and having the necessary skills to compete and be at par with the development in information technology and telecommunications. The results of this study could serve as an initial guidelines for the establishment of formal standards to be used by all secondary school resource centres in Malaysia.

BAB SATU

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Kemajuan dan reformasi pendidikan di negara ini telah menghasilkan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran baru bertujuan untuk mempertingkatkan mutu pendidikan negara. Penggunaan sumber pendidikan di dalam proses pengajaran-pembelajaran merupakan kaedah penting yang digunakan untuk melaksanakan konsep pendidikan sepanjang hayat (Brevik, 1987; Morris, 1992; Faridah & T. Subahan, 1993) bagi mencapai salah satu matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Ini dilakukan melalui penerapan teknologi pendidikan dan teknologi maklumat bertujuan untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran dan berteknologi tinggi (Abdul Rahman, 1989; Anuar, 1989; Vias, 1989). Reformasi pendidikan telah menekankan kemahiran berfikir yang perlu dipupuk di kalangan pelajar dan mementingkan budaya ilmu, sebagai permulaan menuju ke arah pencarian ilmu hingga ke akhir hayat (Anuar, 1989; Naina, 1993; Wan Mohd Zahid, 1993). Pelajar perlu diterapkan dengan budaya ilmu untuk menghadapi dunia ledakan maklumat yang lebih mencabar dan berteknologi tinggi bagi memenuhi wawasan 2020 (Mahathir, 1991). Pelajar perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan teknologi maklumat yang membolehkan mereka mencari, mengenalpasti dan menggunakan maklumat untuk kepentingan mereka. Pelajar juga perlu mempunyai kemahiran menilai, melakukan interpretasi, membaca, mempersembah dan menyampaikan hasil kerja dalam bentuk yang senang difahami dan digunakan (Malley, 1984; Cleaver, 1987).

Pusat sumber sekolah dianggap sebagai satu unit di mana pemilihan bahan dan alat pendidikan yang berkesan dan berkualiti dilakukan, diproses dan diurus secara

sistematik untuk kegunaan guru dan pelajar (Omar, 1993). Bahan-bahan ini perlu digunakan oleh pelajar supaya mereka boleh menguasai kemahiran-kemahiran yang diperlukan serta memperolehi ilmu pengetahuan.

Perkembangan teknologi yang menghasilkan bahan dan peralatan elektronik dalam pelbagai bentuk dapat menyebarkan maklumat dengan cepat dan berkesan. Manakala perkembangan telekomunikasi telah memberi kemudahan untuk pengguna mengakses maklumat dengan menggunakan pangkalan data yang terdapat di negara kita serta di peringkat antarabangsa. Perkembangan dan kemajuan ini perlu didedahkan kepada pelajar dan guru melalui pusat sumber sekolah. Perkembangan di dalam bidang teknologi pendidikan pula telah melahirkan guru yang berinovasi dan berteknologi tinggi yang dapat menyampaikan pengetahuan mereka melalui syarahan, dan penggunaan pelbagai alat media yang terancang dan berkesan. Ini dilakukan untuk meningkatkan keberkesanan di dalam penyampaian guru dan pembelajaran murid (Md Saad, 1993).

Untuk memastikan aspek-aspek ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang, pusat sumber sekolah mestilah diurus dan dilengkapi dengan sebaik mungkin serta keseragaman dalam pentadbiran dan pengurusannya (*Australian Library Association*, 1975; Hashim, 1986; Hopkins, 1990). Pusat sumber sekolah perlu diurus dengan sistematik berlandaskan garis panduan atau piawaian tertentu seperti yang telah diamalkan oleh beberapa negara, antaranya ialah di Canada (*Standards of Library Service for Canadian Schools*, 1967), Australia (*Australia, Department of Education and Science*, 1972), United Kingdom (*Library Association of United Kingdom*, 1972), Singapura (*Standing Committee for Libraries*, 1975), dan Amerika Syarikat (AASL & AECT, *Information Power*, 1989).

Garis panduan atau piawaian akan memastikan perkhidmatan dan koleksi yang disediakan berkualiti, menggalakkan penggunaan atau akses kepada sumber-sumber pendidikan untuk perkembangan intelek guru dan pelajar (*Information Power*, 1989; Turner, 1991). Piawaian juga diperlukan sebagai kriteria untuk membolehkan penilaian dilakukan bagi menentukan kualiti, prestasi, nilai dan pencapaian pusat sumber sekolah berdasarkan objektif serta fungsi yang telah ditentukan semasa perancangan (Kent, 1984; Hug, 1989; Odien, 1992). Ini diperlukan supaya pusat sumber sekolah dapat memenuhi keperluan maklumat guru dan pelajar. Selain dari itu, piawaian juga diperlukan sebagai panduan untuk merancang penubuhan pusat sumber sekolah baru dan untuk menilai akan keberkesanan pusat sumber sekolah yang sedia ada kepada masyarakat sekolah. Piawaian juga berperanan sebagai senarai semak untuk mengenalpasti kelebihan dan kekurangan yang terdapat pada pusat sumber sekolah serta mengenalpasti keperluan-keperluan selanjutnya (Davies, 1977; Morris, 1992).

Jika ditinjau perkembangan yang berlaku di dalam bidang perpustakaan atau pusat sumber sekolah secara umum, terdapat piawaian bagi membantu guru serta pihak pentadbir untuk merancang dan mengurusnya (Lowrie, 1989). Di antaranya di China, *National Standards* telah wujud sejak tahun 1981, yang telah menyebabkan pembangunan perpustakaan sekolah membangun dengan pesat serta taraf guru perpustakaan atau pusat sumber sekolah diiktiraf (Lowrie, 1989). Di Jepun pula terdapat *The School Library Law and School Library Standards* yang menggariskan definisi, fungsi, pengurusan dan aktiviti yang perlu dipatuhi oleh pihak sekolah untuk menjadikan perpustakaan atau pusat sumber sekolah sebagai satu unit penting dalam sistem persekolahan (Nagakura, 1988). Manakala di Tanzania pula, terdapat manual yang membantu kakitangan sekolah dalam mengendalikan perpustakaan atau pusat sumber sekolah dengan berkesan (Lowrie, 1989). Selain daripada negara-negara tersebut, piawaian juga terdapat di

Singapura, Canada, Australia dan India yang diiktiraf oleh pihak tertentu negara-negara tersebut bertujuan untuk memastikan perancangan dan pentadbiran pusat sumber sekolah berjalan dengan berkesan (Kent, 1984).

Di Malaysia, usaha untuk mewujudkan piawaian telah dilakukan pada tahun 1960an. Kementerian Pelajaran dengan bantuan Persatuan Perpustakaan Tanah Melayu telah menyediakan dan menerbitkan *Secondary Schools Library Standards: Proposed Minimum Requirements (Malayan Library Journal, 1963)*. Dokumen ini menggariskan keperluan perpustakaan sekolah untuk jangka waktu 10 tahun. Keperluan yang digariskan adalah berdasarkan keadaan perpustakaan sekolah pada masa itu serta perkembangan yang dijangkakan. Pada tahun 1964, Margaret Walker telah menjalankan satu tinjauan mengenai perpustakaan sekolah di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris di seluruh Malaya. Hasil dapatan tinjauan tersebut mendapati kelengkapan yang terdapat perlu dipertingkatkan serta ditambah. Berdasarkan hasil dapatan tinjauan itu, *School Library Manual* telah diterbitkan pada tahun 1964 yang menjadi panduan kepada guru perpustakaan (Walker, 1964). Kajian seterusnya telah dilakukan oleh Persatuan Perpustakaan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pelajaran yang meninjau keadaan keseluruhan perpustakaan sekolah di seluruh Malaysia. Hasil daripada kajian tersebut, Rancangan Pembangunan Perpustakaan Sekolah di Malaysia telah diterbitkan pada tahun 1979 untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah. Bagaimanapun perlaksanaannya tidak dapat dilakukan kerana terdapat beberapa masalah, seperti kekurangan sumber kewangan, ruang, serta kakitangan yang berpengalaman dan berminat dalam mengendalikan perpustakaan sekolah. Pada era tersebut juga, sekolah mempunyai masalah lain yang memerlukan perhatian dan tumpuan yang lebih serius dan segera (Wong, 1980). Oleh itu, garis panduan yang diutarakan itu tidak diketahui akan tahap perlaksanaannya kerana tidak terdapat penulisan yang membincangkan mengenai aspek tersebut. Juga tidak

terdapat penyelidikan atau penilaian yang dijalankan untuk mengetahui keadaan sebenar tahap pelaksanaan piawaian tersebut.

Berdasarkan keadaan ini serta perkembangan yang pesat dalam penggunaan pusat sumber sekolah untuk pengajaran-pembelajaran, maka difikirkan satu penyelidikan perlu dilakukan untuk mengetahui keadaan pusat sumber sekolah serta mencadangkan piawaian yang boleh digunakan. Juga disebabkan oleh perancangan dan penubuhan pusat sumber sekolah baru serta peningkatan penggunaan pusat sumber sekolah oleh pelbagai golongan masyarakat, menyebabkan amat sesuai dilakukan penyelidikan ini.

Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam perkembangan pusat sumber sekolah sekarang ini. Bahagian ini berfungsi untuk memastikan perkembangan yang pesat dan selaras dengan perkembangan yang berlaku di dalam bidang pendidikan. Secara keseluruhannya perkembangan perpustakaan sekolah telah diusahakan oleh beberapa bahagian dan unit seperti Bahagian Sekolah-Sekolah, Bahagian Penerangan dan Penyelidikan, Bahagian Latihan Guru, dan Bahagian Teknologi Pendidikan (Vias, 1989). Penggunaan konsep pusat sumber sekolah pula telah disarankan pada tahun 1983 melalui surat pekeliling KP(BSS)8752 bertarikh 1hb Mac, 1983. Semua sekolah telah diarahkan menggunakan istilah pusat sumber sekolah bagi menggantikan istilah perpustakaan pusat media, perpustakaan sekolah, pusat media sekolah dan pusat alat pandang dengar (Kementerian Pendidikan, 1983). Ini dilakukan untuk memberi gambaran sebenar pusat sumber sekolah yang sedia ada, yang merupakan gabungan di antara bahan perpustakaan dan alat pandang dengar. Selaras dengan ini, semua jabatan pendidikan negeri telah juga mewujudkan Unit Teknologi Pendidikan. Jawatankuasa penyelarasan

teknologi pendidikan juga telah diwujudkan bagi memastikan program pusat sumber sekolah dan daerah dapat dilaksanakan (Kementerian Pendidikan, 1983).

Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan telah mengadakan pelbagai projek, program dan aktiviti ke arah meningkatkan proses pengajaran-pembelajaran sepanjang hayat bagi melahirkan masyarakat berbudaya ilmu (Bahagian Teknologi Pendidikan, Laporan Tahunan, 1992). Tokoh-tokoh pendidik pula telah menekankan keperluan budaya ilmu berdasarkan perkembangan teknologi dan maklumat. Mereka menyatakan peranan pusat sumber sekolah adalah lebih mencabar kerana pelajar perlu dipupuk dengan budaya belajar, budaya berfikir, budaya kreatif dan berkarya (Abdul Rahman, 1989; Anuar, 1989; Wan Mohd Zahid, 1993).

2 Pernyataan Masalah

Kurikulum Sekolah Menengah yang dilaksanakan dewasa ini memberi tumpuan kepada konsep pendidikan sepanjang hayat. Ia memerlukan pelajar diberi pendedahan kepada pelbagai sumber maklumat supaya mereka boleh menguasai beberapa kemahiran. Proses pengajaran-pembelajaran dengan menggunakan pelbagai sumber pendidikan pula dapat membantu pelajar menjadi aktif secara mental dan fizikal serta mengutamakan ilmu pengetahuan bagi kepentingan mereka (Tajul Ariffin & Nor Aini, 1992; Shahril, 1993). Keperluan ini menyebabkan pusat sumber sekolah dipertingkatkan supaya pelajar dapat menguasai kemahiran maklumat yang perlu disemaikan di kalangan pelajar. Peranan serta perkhidmatan yang sebegini perlu disediakan oleh pusat sumber sekolah.

Memandangkan pusat sumber sekolah diwujudkan untuk mempertingkatkan mutu pendidikan, membentuk profesion perguruan dan pelajar yang berilmu, dinamis,

kreatif, inovatif dan berdisiplin (Kassim, 1989), maka difikirkan peranan yang perlu dimainkan adalah sangat penting dan usaha perlu dilakukan untuk menjadikan pusat sumber sekolah proaktif dalam peranannya.

Berdasarkan keperluan ini, serta perkembangan pusat sumber sekolah, adalah difikirkan penting keberkesanannya dinilai serta memastikan perancangan dan pengurusan yang dilakukan menepati matlamat penubuhannya. Beberapa penulisan mengenai pengurusan dan pentadbiran pusat sumber sekolah di Malaysia telah dihasilkan. Antaranya ialah oleh Mat Jizat (1983), Kassim (1989), Abdul Rahim & Ismail (1990), Faridah & T. Subahan (1993) dan Halimah (1993). Penulisan-penulisan ini telah memberi panduan kepada guru untuk mentadbir serta melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan penyelenggaraan pusat sumber sekolah. Penerbitan-penerbitan ini juga telah mencadangkan jenis perabut, sistem pengurusan yang perlu digunakan serta peralatan yang sesuai, untuk membantu guru yang kurang pengetahuan serta pengalaman menjalankan tugas. Walau bagaimanapun penulisan-penulisan ini tidak membincangkan spesifikasi atau piawaian secara kuantitatif dan kualitatif tertentu yang perlu diikuti oleh pihak guru dalam mentadbir dan menguruskan pusat sumber sekolah. Aspek piawaian dari segi keadaan fizikal, koleksi, perabut, peralatan dan perkhidmatan tidak dibincang dan dicadangkan. Aspek-aspek ini difikirkan amat penting untuk dijadikan alat penilaian dan pengukuran bagi menentukan keberkesanan pusat sumber sekolah serta menentukan arah perkembangannya.

Hasil daripada kekurangan ini, terdapat beberapa angapan negatif yang telah diutarakan terhadap sumbangan serta peranan pusat sumber sekolah. Jemaah Nazir Sekolah (1987), pernah melaporkan bahawa penggunaan sumber pendidikan oleh murid dan guru dalam pengajaran adalah sangat rendah disebabkan oleh faktor kemudahan fizikal, koleksi dan tenaga manusia. Pendapat atau pandangan yang

sama pernah diutarakan oleh Ibrahim (1988), Anuar (1989), dan Asiah (1993) berdasarkan laporan di dalam akhbar-akhbar tempatan.

Pendapat-pendapat seperti ini akan terus diutarakan kerana penilaian yang dilakukan terhadap pusat sumber sekolah adalah berdasarkan pesepsi serta pandangan yang dilakukan oleh penilai secara umum tanpa menggunakan alat pengukur yang spesifik dan saintifik. Oleh itu adalah amat perlu satu penyelidikan dijalankan di mana hasil penyelidikan boleh menggariskan keperluan piawaian pusat sumber sekolah dari segi fizikal, koleksi, perabut, peralatan, dan perkhidmatan, serta aspek-aspek lain yang boleh menjadi garis panduan dalam perkembangan pusat sumber sekolah.

Beberapa kajian mengenai pusat sumber sekolah telah menunjukkan bahawa masalah paling ketara yang dihadapi ialah kurangnya keberkesanan penggunaannya di sekolah. Kajian-kajian yang dilakukan oleh Mohd Mazlan (1991), Kiran (1993) dan Nor' Azimah (1993) menyatakan pusat sumber sekolah mempunyai pelbagai masalah dan masih tidak mampu untuk memainkan peranan yang aktif dalam pembelajaran dan pengajaran. Kajian-kajian lain (Ibrahim, 1992; Mohd Ali, 1992; Halimah, 1993) mendapati pusat sumber sekolah tidak lengkap, tidak memenuhi keperluan pengguna, dan kegagalan pentadbir serta guru melihat peranan pusat sumber sekolah dalam proses pengajaran-pembelajaran. Kajian-kajian ini juga mendapati koleksi yang tidak seragam, pelajar dan guru tidak mempunyai kemahiran untuk menggunakan pusat sumber sekolah, infrastruktur fizikal yang tidak memuaskan serta tidak ada pengurusan yang tertentu. Manakala Abdul Rahim (1988), di dalam rencananya di Berita Harian mendapati pusat sumber sekolah mempunyai bahan bacaan yang terbatas, suasana pusat sumber sekolah yang membosankan, kekurangan buku rujukan serta keadaan fizikal yang tidak sesuai bagi membentuk sikap positif terhadap ilmu. Pandangan yang sama juga

telah diperkatakan oleh Vias (1989), di mana beliau menyatakan pusat sumber sekolah tidak diurus dengan teratur serta tidak menerima sokongan daripada pihak sekolah.

Walaupun jumlah kewangan yang besar telah dilaburkan untuk melengkapinya semua pusat sumber sekolah menengah tetapi keadaan pusat sumbernya masih di tahap yang tidak memuaskan. Justeru itu, masalah pengurusan pusat sumber sekolah masih wujud dan perlu dilakukan penyelidikan untuk mengenalpasti keadaan sebenar pusat sumber sekolah menengah.

Selain daripada itu, beberapa kajian dan penulisan yang membincangkan penggunaan, pentadbiran, pengurusan serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh pusat sumber telah dilakukan. Antaranya ialah penulisan dan penyelidikan Halimah (1985, 1991, 1993), Kassim (1989), Faridah & T. Subahan (1993) dan Murni (1993). Penulis dan penyelidik ini telah membincangkan peranan, objektif serta kaedah pengurusan pusat sumber sekolah di Malaysia. Penemuan dan pandangan mereka telah memberikan gambaran keadaan pusat sumber sekolah secara keseluruhan. Juga melalui penulisan mereka, terdapat cadangan dan pandangan yang baik dan boleh dilaksanakan untuk memperbaiki keadaan pusat sumber sekolah. Secara umumnya mereka menyatakan keadaan pusat sumber sekolah adalah tidak begitu menggalakkan kerana kesannya kepada masyarakat sekolah masih belum dirasai. Peranannya juga bukan merupakan sesuatu yang diperlukan di sekolah. Pusat sumber sekolah dewasa ini hanya merupakan satu unit di dalam sistem persekolahan yang berfungsi untuk mengumpul bahan atau sumber pendidikan. Peranannya dalam membantu melahirkan pelajar yang cemerlang dan mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu masih belum ditekankan. Ini disebabkan tidak ada satu perancangan, kaedah penilaian dan pengukuran yang

konkrit dilakukan untuk memastikan ia memainkan peranannya dan melakukan sumbangan yang sepatutnya.

Penyelidikan dan penulisan yang dihasilkan juga telah membincangkan perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh pusat sumber sekolah serta bagaimana ia dapat membantu dalam pengajaran-pembelajaran. Cadangan yang dikemukakan memerlukan koleksi yang ada menepati keperluan sebenar pelajar dan guru. Juga kemudahan yang ada perlu dipertingkatkan supaya ia dapat menjadi pusat pembelajaran yang berkualiti. Kajian spesifik mengenai pusat sumber sekolah daripada sudut piawaian pernah dilakukan dalam tahun 1963 oleh Margaret Walker. Kajian yang mempunyai objektif yang sama juga telah dilakukan pada tahun 1979 oleh Kementerian Pendidikan dan Persatuan Perpustakaan Malaysia. Melalui penyelidikan-penyelidikan ini telah dicadangkan jumlah bahan, kemudahan, peralatan yang perlu ada secara kuantitatif dan kualitatif yang perlu ada. Bagaimanapun ia tidak digunakan kerana masalah-masalah tertentu seperti tidak ada kakitangan atau guru yang mahir serta pihak Kementerian Pelajaran menghadapi kesulitan kewangan untuk membekalkan bahan dan peralatan yang dicadangkan.

Penyelidikan berterusan perlu dijalankan. Ini disebabkan kepentingan dan peranan pusat sumber sekolah kian meningkat dan jumlah kewangan yang besar telah dilaburkan. Pusat sumber diperlukan untuk menjayakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan memastikan proses pengajaran-pembelajaran yang berkualiti seiring dengan perkembangan yang sedang berlaku di bidang teknologi maklumat dan pendidikan. Penyelidikan ini dilakukan khusus untuk melihat perkembangan pusat sumber sekolah dari aspek piawaian dan mensyorkan piawaian yang boleh digunakan. Ini diperlukan supaya pusat sumber sekolah

mempunyai asas perkembangan dan alat penilaian terkini yang boleh digunakan untuk membangun dan mengukur perkembangannya.

Piawaian dipentingkan dalam pengurusan pusat sumber sekolah kerana ia merupakan alat yang dapat memastikan tahap dan kualiti pusat sumber. Dengan menggunakan piawaian sebagai alat penilaian, ia dapat menentukan prestasi, nilai dan pencapaian pusat sumber sekolah berdasarkan objektif serta fungsi. Piawaian digunakan juga sebagai senarai semak untuk mengenalpasti kelebihan dan kekurangan yang terdapat pada sesuatu pusat sumber sekolah. Negara-negara di mana pusat sumber sekolah telah berkembang dengan pesat serta memainkan peranan yang penting telah menggunakan piawaian sejak tahun 1940an. Negara-negara seperti Australia (1975), Jepun (Nagakura, 1988), Amerika Syarikat (AASL & AECT, 1989) dan banyak negara-negara lain mempunyai piawaian yang digubal dari tahun ke setahun untuk disesuaikan dengan kehendak pendidikan. Melalui piawaian ini mereka telah dapat meyakinkan agensi-agensi tertentu akan keperluan dan kemudahan kuantitatif dan kualitatif yang perlu ada, serta peranan pusat sumber sekolah dalam menjayakan kurikulum dan menepati keperluannya. Berdasarkan sumbangan ini, mereka telah mendapat bantuan dan memperolehi pengiktirafan yang sewajarnya.

Signifikan Penyelidikan

Pusat sumber sekolah merupakan satu unit yang penting dalam sistem persekolahan dan mempunyai pelbagai sumber pendidikan untuk membantu proses pengajaran-pembelajaran yang lebih berkesan (Kassim, 1989; Abdul Rahim, 1992) serta mewujudkan budaya ilmu di kalangan pelajar (Tajul Ariffin & Nor Aini, 1992; Wan Mohd Zahid, 1993). Perkembangan ini amat dirasai kerana kurikulum sekolah menengah memerlukan pelajar menggunakan berbagai-bagai sumber untuk

menjalankan projek serta latihan yang diberi oleh guru (Shahril, 1993). Oleh sebab pusat sumber sekolah menjadi sangat penting, maka difikirkan adalah wajar agar satu kajian dijalankan dengan lebih sistematik dan efisien.

Kepentingan pusat sumber di luar bandar dapat dilihat melalui pembinaan Projek Langkawi oleh *Malaysian Chinese Association (MCA)* (*The Star*, July 1993).

Pusat sumber yang dibina ini bertujuan untuk mempertingkatkan pencapaian akademik masyarakat serta menanam sikap suka membaca di kalangan pelajar di luar bandar. Pusat sumber ini mempunyai koleksi maklumat yang berbentuk bahan bercetak dan elektronik, untuk digunakan dan dirujuk oleh pelajar dari kawasan tersebut. Perkembangan ini menunjukkan keperluan mengadakan piawaian untuk mengurus pusat sumber. *MCA* bercadang untuk mewujudkan di antara 20 hingga 30 pusat sumber dalam fasa pertama projek, di mana setiap pusat sumber akan dilengkapi dengan sumber pendidikan dalam bentuk media bercetak dan tidak bercetak.

Manakala Pusat Sumber Sri Murugam (*The Star*, July 1993) yang ditubuhkan oleh sekumpulan pelajar India dari Universiti Malaya pada tahun 1982 bertujuan untuk mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat India melalui pendidikan. Selain daripada mengadakan kelas bimbingan untuk pelajar yang akan menghadapi peperiksaan seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pusat ini juga memberi kaunseling kepada pelajar dan ibu bapa. Pusat ini juga menyediakan sumber pembelajaran yang dihantar kepada pelajar di luar bandar. Menurut Dr. Thambirajah (*The Star*, July 1993), Pengarah Pusat Sri Murugam, mereka akan mengikut langkah *MCA* mewujudkan pusat sumber di luar bandar dengan dilengkapi sumber pendidikan berbentuk media bercetak dan tidak bercetak. Setakat ini terdapat sebanyak 300 pusat Sri Murugam di seluruh negara. Dapatan

dari kajian ini juga boleh membantu Projek Langkawi dan Pusat Sumber Sri Murugam seperti di atas.

Kepekaan masyarakat terhadap kepentingan maklumat dan bacaan telah menyebabkan wujudnya pusat sumber, bukan sahaja di sekolah malahan di jabatan kerajaan dan di dewan masyarakat yang terdapat di kampung-kampung. Terdapat juga beberapa firma terutamanya di sektor perkilangan yang mewujudkan pusat sumber untuk pekerja mereka dengan menyediakan bahan-bahan rekreasi.

Berdasarkan perkembangan ini serta kepekaan masyarakat terhadap kepentingan mencari ilmu melalui pembacaan dan kepentingan sumber pendidikan untuk pembelajaran telah menjadikan kajian ini penting dan mempunyai banyak nilai pragmatik. Keadaan ini menjadikan piawaian amat diperlukan dalam perancangan dan pentadbiran pusat sumber dari segi fizikal, koleksi, perabot, peralatan dan perkhidmatan di negara kita.

Kajian ini juga mempunyai nilai teori sebab *Model of School Learning* oleh Carroll (1963) adalah berlandaskan kepada teori behavioral yang menyatakan pembelajaran pelajar dipengaruhi oleh elemen seperti masa, bakat, kebolehan kualiti pengajaran, kecekalan atau motivasi dan peluang. Kajian ini akan mengesah kembali teori tertentu melalui kemudahan pusat sumber sekolah yang membantu guru melakukan pengajaran yang berkualiti dengan menggunakan pelbagai cara penyampaian serta bahan pembelajaran untuk pelajar-pelajar mereka. Juga, melalui pusat sumber sekolah pelajar diberikan peluang dan masa yang bersesuaian dengan mereka untuk mempelajari apa yang diinginkan secara sendiri, mengikut tahap kebolehan dan kemampuannya. Seterusnya, dengan pengurusan yang cekap dan sistematik pusat sumber sekolah boleh menawarkan perkhidmatan

dan sumber yang berkualiti untuk kegunaan guru bagi meningkatkan lagi motivasi pelajar bersesuaian dengan masa dan keperluan.

Oleh itu, satu penyelidikan yang terperinci dan penemuan serta dapatan dari penyelidikan ini boleh mencadangkan piawaian yang sesuai untuk perancangan dan pengurusan pusat sumber sekolah dari lima aspek yang telah diperkatakan.

1.4 Objektif Penyelidikan

Penyelidikan ini bertujuan untuk:

- a. Meninjau keadaan pusat sumber sekolah dari aspek fizikal, koleksi, perabut, peralatan dan perkhidmatan. Aspek-aspek ini merupakan perkara penting bagi memastikan perancangan yang baik serta pengurusan yang berkesan untuk menentukan pusat sumber sekolah berfungsi dan berperanan sebagai satu unit penting dalam proses pengajaran-pembelajaran. Perkara-perkara ini dititikberatkan, untuk menentukan sumber pendidikan disimpan dan diselenggarakan dengan baik serta boleh membantu kepada pencapaian akademik pelajar.
- b. Melihat sejauh manakah kemudahan yang disediakan memenuhi keperluan pengguna dari segi kesesuaian maklumat, senang diperolehi dan digunakan serta memberikan kepuasan maklumat kepada pengguna.
- c. Mengkaji sejauh mana aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu menggalakkan perkembangan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan pelajar.

- d. Mengkaji tahap perkembangan semasa pusat sumber sekolah dan mencadangkan piawai yang sesuai digunakan bagi memastikan fungsi dan tujuan pusat sumber sekolah akan dapat dicapai.
- e. Mengenalpasti masalah yang terdapat di pusat sumber sekolah terutamanya mengenai kakitangan yang mengendalikannya.

1.5 Kaedah Penyelidikan

Penyelidikan ini dilaksanakan melalui gabungan kaedah kualitatif dengan kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif melibatkan pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian, temubual serta tinjauan mengikut struktur tertentu. Kaedah kualitatif ini digunakan untuk memberi tumpuan terhadap pendapat, pengalaman, serta pandangan dan aspek-aspek lain dari pihak yang terlibat secara langsung dalam mengurus dan merancang pusat sumber. Kaedah ini juga digunakan bertujuan untuk mengetahui keadaan pusat sumber sekolah dan cuba menyelesaikan masalah secara pendekatan semula jadi dan menyeluruh (Powell, 1991). Manakala kaedah kuantitatif digunakan untuk meyakinkan lagi dapatan. Penggunaan kaedah-kaedah ini juga bertujuan untuk memberi perhatian terhadap pengalaman dan sikap guru dan penyelaras pusat sumber sekolah yang terlibat dalam perancangan dan pengurusan pusat sumber sekolah.

Melalui kaedah temubual dan pemerhatian, penyelidik berpeluang untuk mengkaji isu pusat sumber ini secara terperinci dan mendalam melalui medan kerja. Kaedah ini juga memberi peluang kepada penyelidik untuk mendapatkan data yang lengkap mengenai isu tersebut serta memahami masalah itu secara terperinci (Patton, 1987). Menurut Guba (1978), memperolehi data daripada mereka yang berpengalaman dan berkecimpung dalam aspek yang dikaji memerlukan penyelidik melakukan

temubual. Dengan siapa, bagaimana dan tujuan temubual itu merupakan alat penting untuk memperolehi data yang konkrit. Melalui kaedah tinjauan, penyelidik telah mengedarkan soalselidik kepada semua sekolah menengah di seluruh Selangor Darul Ehsan untuk memberi gambaran akan keadaan pusat sumber sekolah dari aspek fizikal dan kemudahan yang terdapat. Data-data yang diperolehi melalui soalselidik telah memberikan gambaran secara menyeluruh mengenai pusat sumber sekolah. Manakala data yang diperolehi melalui temubual dan pemerhatian mengesahkan data yang diperolehi melalui tinjauan. Dengan cara ini telah memastikan data yang diperolehi mempunyai kesahihannya serta memastikan kebolehpercayaan dan kesahannya.

Kaedah kualitatif menganggap penyelidik sebagai instrumen, dan kesahan data yang dikumpul adalah bergantung kepada kemahiran, kemampuan serta kebolehan penyelidik semasa menjalankan medan kerja. Bagi memastikan aspek ini berlaku, penyelidik telah membuat jadual temubual dan pemerhatian yang memerlukan penyelidik berada di sesebuah sekolah selama sekurang-kurangnya tiga jam untuk membuat pemerhatian dan temubual. Guru pusat sumber sekolah pula telah diberi masa yang secukupnya untuk bersedia ditemubual. Penyelidik telah memaklumkan kepada beliau tentang kedatangan penyelidik dua minggu sebelumnya dan memastikan masa yang ditetapkan tidak bertembung dengan masa beliau mengajar. Semasa temubual dilakukan, penyelidik telah memastikan semua soalan yang dikemukakan kepada sekolah adalah sama. Kaedah pemerhatian juga menyediakan senarai semak yang sama untuk mencatat apa yang ingin dilihat dan diketahui. Penyelidik hanya mampu pergi ke sebuah sekolah untuk satu hari sahaja. Temubual dan pemerhatian dilakukan selang satu hari untuk memastikan penyelidik berkeadaan segar semasa menjalankan temubual dan pemerhatian. Dalam masa satu minggu penyelidik mampu pergi ke tiga buah sekolah sahaja dan

bagi tiga belas sekolah penyelidik memerlukan masa selama satu bulan dua minggu.

Bagi pengumpulan data melalui kaedah tinjauan, sebanyak 128 set soalselidik telah dihantar kepada semua sekolah menengah kerajaan di seluruh negeri Selangor Darul Ehsan. Soalselidik ini mengandungi lapan set yang perlu dijawab oleh guru media, guru pusat sumber dan ketua panitia matapelajaran. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah mengenai aspek yang dikaji dan berkaitan dengan persoalan dan tujuan penyelidikan. Pengumpulan data melalui kaedah tinjauan telah memakan masa selama tiga bulan. Penyelidik terpaksa menghantar soalselidik sebanyak tiga kali kepada sekolah-sekolah yang tidak menghantar kembali soalselidik pada tarikh yang telah ditetapkan.

Bagi kaedah kuantitatif, penyelidikan ini tidak mempunyai hipotesis serta tidak akan menentukan pembolehubah bebas dan bersandar secara spesifik. Tumpuan penyelidikan ini ialah pengumpulan data dengan kaedah sistematik dari pelbagai sumber bagi mendapat data diskriptif dan inferensi yang berkualiti, tepat, sah dan memberi gambaran sebenar akan masalah yang dikaji.

Berdasarkan data yang diperolehi, penganalisan telah dilakukan dengan menggunakan *SPSS For Windows (5.0.1)* dan telah dilakukan tabulasi, perkiraan min, taburan dan peratusan. Ujian korelasi dengan menggunakan Koefisien Korelasi Pearson (*Pearson's Coefficients Correlation*) telah juga dilakukan.

1.6 Persoalan Penyelidikan

- 1.6.1 Adakah pengurusan pusat sumber sekolah menengah dewasa ini menggunakan sesuatu piawaian atau garis panduan tertentu dalam pengurusan mereka?
- 1.6.2 Apakah kemudahan dan kelengkapan yang sedia ada di pusat sumber sekolah menengah dewasa ini mencukupi bagi ia mencapai objektif kewujudannya serta dapat memainkan peranannya dalam pengajaran-pembelajaran?
- 1.6.3 Adakah kaitan di antara pengurusan pusat sumber sekolah yang baik dan memuaskan dengan pengetahuan serta kemahiran guru yang mengendalikannya?

1.7 Kerangka Teori

Sebahagian daripada penyelidikan ini adalah berlandaskan kepada teori behavioral yang dibayangkan dalam bentuk *Model of School Learning* oleh Carroll (1963) yang menyatakan bahawa seseorang pelajar akan berjaya mempelajari sesuatu berdasarkan masa yang diluahkan untuk mempelajarinya. Ini pula dipengaruhi oleh lima faktor lain iaitu bakat, kebolehan memahami pengajaran, kualiti pengajaran, kecekalan dan peluang. Beliau mengutarakan model ini kerana mempercayai tujuan utama persekolahan ialah pembelajaran dan faktor-faktor tersebut mempunyai peranan yang penting dalam memastikan kejayaan seseorang. Faktor-faktor ini mempunyai hubungkait yang rapat di antara satu sama lain. Oleh itu di dalam suasana persekolahan, pelajar perlu didedahkan kepada pelbagai aspek pembelajaran untuk perkembangan intelek yang amat berguna untuk mereka memperolehi kejayaan.

Sebahagian lagi penyelidikan ini adalah berlandaskan kepada teori sistem di mana pusat sumber dianggap sebagai satu subsistem maklumat kerana ia membantu dalam mendapatkan bahan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh guru dan pelajar semasa proses pengajaran-pembelajaran.

Ciri-ciri seperti profil keperluan pengguna (guru dan murid), pangkalan data, skim menyimpan dan mendapatkan kembali maklumat, serta pengguna sendiri dianggap sebagai input. Manakala prosesnya pula ialah bagaimana kesemua input tersebut diolah, dikelolakan mengikut prosedur, kaedah dan teknik tertentu supaya memberi maklumat yang relevan kepada pengguna apabila diperlukan. Manakala hasilan yang diperolehi oleh pengguna dianggap sebagai output. Dalam konteks pengajaran-pembelajaran, pusat sumber dianggap sebagai subsistem yang menyimpan dan mengelolakan bahan pengajaran-pembelajaran yang diperlukan oleh guru dan pelajar. Ia juga berperanan menyebarkan maklumat serta memindahkan ilmu dan pengetahuan kepada pelajar sebagai penerima. Aspek ini akan berlaku dengan berkesan jika perkhidmatan dan koleksi yang terdapat bersesuaian dengan keperluan guru dan pelajar berlandaskan kurikulum yang digunakan. Oleh itu, dalam perancangan dan pengurusan pusat sumber, faktor-faktor keadaan fizikal, koleksi, perabut, peralatan serta perkhidmatan diberi perhatian untuk keberkesanannya. Ini semua akan memberi kesan terhadap sikap pelajar dan guru dalam menggunakan pusat sumber iaitu dari segi pergerakan, penggunaan bahan dan tumpuan. Juga dengan keadaan fizikal yang selesa akan membantu dalam perkembangan mental pelajar serta memberi kebebasan menjalankan kerja secara persendirian, dan akan menimbulkan minat serta keinginan untuk belajar. Ini diperlukan lagi dengan penggunaan teknologi pendidikan yang lebih meluas dalam pengajaran-pembelajaran di mana keperluan maklumat guru dan pelajar perlu diambil berat dan terdapat di pusat sumber. Oleh

itu, garispanduan diperlukan untuk memastikan perancangan dan pengurusan yang dijalankan mengintegrasikan bahan pusat sumber dengan pengajaran-pembelajaran. Selain dari itu, garispanduan ini juga akan membantu pentadbir sekolah dalam membuat penilaian terhadap tahap perkembangannya, mengetahui akan peranan serta keberkesanannya di dalam sistem persekolahan. Garispanduan ini juga akan memastikan sistem maklumat yang ada diurus dengan sistematik dengan mementingkan keperluan pengguna serta perkhidmatan yang diperlukan. Untuk perancangan jangka waktu panjang, keseragaman di dalam pentadbiran pusat sumber sekolah serta perkembangan teknologi akan menyenangkan lagi kewujudan rangkaian maklumat serta kerjasama untuk perkongsian maklumat di antara pusat sumber sekolah.

1.8 Batasan-batasan Penyelidikan

Penyelidikan ini hanya dijalankan di sekolah menengah kerajaan di negeri Selangor Darul Ehsan sahaja. Walaupun penyelidikan ini dijalankan di Selangor Darul Ehsan, tetapi penyelidikan ini telah dijalankan secara komprehensif dan mendalam dalam masa yang telah ditentukan. Penemuan yang diperolehi telah memberikan situasi sebenar keadaan yang berlaku di sekolah-sekolah menengah di Selangor Darul Ehsan dan penyelidik berpendapat keadaan yang agak sama juga wujud di sekolah menengah negeri lain.

Batasan-batasan yang terdapat pada penyelidikan ini ialah:

1.8.1 Hanya sekolah menengah kerajaan di Selangor Darul Ehsan sahaja telah menjadi responden. Soalselidik telah dihantar kepada semua sekolah tersebut berdasarkan senarai yang diberikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan. Sekolah menengah sahaja yang dipilih kerana sejak tahun 1973 Kementerian Pelajaran telah memperlengkapkan pusat sumber

sekolah menengah dengan kemudahan yang lebih baik jika dibandingkan dengan sekolah rendah (Leong, 1972). Juga, sejak tahun 1964 guru-guru yang mengikuti latihan dalam pengurusan perpustakaan sekolah/pusat sumber adalah terdiri dari guru sekolah menengah (Leong, 1972).

- 1.8.2 Seramai 13 orang guru yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran pusat sumber sekolah di Selangor Darul Ehsan sahaja yang telah ditemubual.
- 1.8.3 Kerja-karya pemerhatian untuk melihat keadaan sebenar pusat sumber sekolah di Selangor Darul Ehsan hanya dilakukan ke atas 13 buah sekolah yang dipilih oleh Unit Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan.
- 1.8.4 Penyelidikan ini hanya memberi tumpuan kepada lima aspek perancangan dan pengurusan pusat sumber iaitu keadaan fizikal, peralatan, perabut, koleksi dan perkhidmatan. Bagaimanapun aspek seperti pentadbiran, kakitangan dan masalah mereka juga telah dibincangkan.

1.9 Definisi

1.9.1 Piawaian

Spesifikasi teknikal atau dokumen yang digubal dan mendapat persetujuan pihak-pihak tertentu berdasarkan penemuan penyelidikan yang dijalankan secara saintifik, bagi tujuan untuk memperbaiki sesuatu keadaan atau menyelesaikan masalah yang kerap berlaku. Terdapat piawaian rasmi yang diiktiraf oleh pihak-pihak tertentu dan juga terdapat piawaian yang digubal berdasarkan penemuan dan pendapat ahli profesional di dalam bidang

berkenaan. Piawaian mengenai pusat sumber sekolah boleh dianggap sebagai garis panduan yang digunakan untuk memastikan perkhidmatan dan koleksi yang disediakan bermutu dan bersesuaian. Piawaian digunakan juga untuk menilai dan melihat akan arah perkembangan pusat sumber sekolah. Piawaian juga digunakan sebagai panduan untuk penubuhan pusat sumber baru serta memastikan keperluan-keperluan asas pusat sumber dipenuhi untuk kegunaan maksimum. Terdapat berbagai jenis piawaian bersesuaian dengan tujuan mengapa piawaian itu digubal (*Standardisation and Documentation: An Introduction for Documentalists and Librarians*, 1989).

1.9.2 Perpustakaan atau Pusat Sumber

Ruang yang dikhaskan di mana terdapatnya sumber pendidikan atau media bercetak dan tidak bercetak yang diuruskan secara sistematik dan boleh digunakan oleh guru dan pelajar untuk memperolehi maklumat bagi tujuan pengajaran-pembelajaran. Ia berperanan untuk meningkatkan kualiti pendidikan bagi tujuan untuk melahirkan masyarakat bermaklumat dan berbudaya ilmu melalui pelbagai perkhidmatan yang disediakan. Pusat sumber sekolah mempunyai matlamat dan objektifnya tersendiri. Pengurusannya memerlukan penggubalan polisi, perancangan, pengawalan dan kakitangan profesional. Pusat sumber merupakan satu unit penting di dalam keseluruhan organisasi sekolah (Woolfs, 1988; Vias, 1989; *Harrod's Librarians Glossary*, 1990; *American Library Association*, 1993).

1.9.3 Pengurusan Sumber

Satu proses yang menyelaraskan semua sumber pendidikan yang ada pada sesebuah sekolah bertujuan untuk mencapai matlamat sekolah tersebut. Proses ini melibatkan kerja-kerja pemilihan dan memperolehi bahan,

memproses dan memastikan bahan itu disimpan dengan sempurna serta senang diperolehi apabila diperlukan. Sumber-sumber pendidikan ini pula mestilah bersesuaian dengan keperluan maklumat pelajar dan guru, serta bersesuaian pada masa yang diperlukan (Steuart, 1981; Evans, 1983; *American Library Association*, 1993).

1.9.4 Penggunaan

Mengunjungi, mengguna, membaca, merujuk dan meminjam bahan-bahan serta menikmati perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan di pusat sumber sekolah.

1.9.5 Kadar Penggunaan

Bilangan dan kekerapan mengunjungi pusat sumber bertujuan untuk meminjam, mengguna serta menikmati perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan di pusat sumber sekolah.

1.9.6 Pengajaran

Proses penyampaian ilmu dengan menggunakan pelbagai kaedah, prosedur, aktiviti serta alat bantuan mengajar bagi memastikan pembelajaran berlaku (*The International Encyclopaedia of Teaching and Teacher Education*, 1987).

1.9.7 Pembelajaran

The International Encyclopaedia of Education (1985) mendefinisikan pembelajaran sebagai aktiviti, pengalaman, proses yang bermakna kepada perkembangan diri seseorang. Pembelajaran dipengaruhi oleh keadaan dalaman dan luaran yang terdapat pada diri pelajar serta keadaan persekitaran.

1.9.8 Sumber Pendidikan

Objek atau bahan fizikal yang mengandungi maklumat digunakan untuk pengajaran-pembelajaran. Ia meliputi media cetak, audio, bahan-bahan bergambar serta program komputer, televisyen, filem, slaid, lambaran kerja dan lain-lain yang diperolehi, diproses dan disimpan dengan menggunakan kaedah tertentu bagi penggunaan guru dan pelajar (Kent, 1984).

1.9.9 Guru atau Penyelaras Pusat Sumber Sekolah

Guru profesional yang mengajar dan bertanggungjawab dalam mengurus, mentadbir dan menjalankan aktiviti-aktiviti pusat sumber sekolah. Selain dari tanggungjawab hakikinya beliau dilantik oleh pengetua untuk menjalankan tugas ini.

1.9.10 Kelayakan Profesional

Kelulusan atau kursus yang telah diikuti oleh guru secara rasmi dalam bidang teknologi pendidikan, atau sains perpustakaan yang memberikan guru kemahiran dan pengetahuan yang mantap mengenai bidang itu. Berdasarkan pengetahuan tersebut, guru mempunyai keupayaan untuk mentadbir pusat sumber sekolah dengan berkesan serta menjalankan aktiviti dan menawarkan perkhidmatan bersesuaian dengan objektif dan peranan pusat sumber sekolah.

1.9.11 Perkembangan

Bermaksud penambahan perkakasan dan bahan secara kuantitatif dan peningkatan mutu perkhidmatan serta program pendidikan secara kualitatif (Abdul Rahim, 1996).